



10.0 Pengenalan

Konsep pembangunan dan strategi pelaksanaan landskap merupakan perancangan yang dirangka bagi menjayakan sesuatu cadangan pembangunan landskap. Pelaksanaan cadangan pembangunan landskap ini melibatkan pihak berkuasa tempatan yang terbabit secara langsung dan agensi kerajaan negeri secara tidak langsung dengan memantau dan melaksanakan pembangunan di daerah Port Dickson.

MPPD merupakan PBT akan bertanggungjawab dalam melaksanakan cadangan pembangunan landskap seperti yang terkandung di dalam PIL. Strategi pelaksanaan landskap ini melibatkan 3 peringkat iaitu perancangan, pelaksanaan, dan pengurusan. Pengurusan landskap yang bersistematik dan tersusun adalah penting untuk memberi faedah kepada penyelenggaraan kawasan persekitaran, keselesaan dan keselamatan penduduk tempatan. Sistem pengurusan dan pelaksanaan landskap perlu diwujudkan oleh pihak MPPD bagi mengawal, mengurus dan melaksanakan pembangunan landskap secara menyeluruh.

10.1 Rancangan Pelaksanaan

Peringkat pelaksanaan merupakan kaedah yang digunakan dalam menjalankan sesuatu cadangan pembangunan landskap di Daerah Port Dickson. Peringkat pelaksanaan ini di bahagikan kepada 3 peringkat iaitu:

- i. Peringkat Perancangan
- ii. Peringkat Pelaksanaan
- iii. Peringkat Pengurusan

i. Peringkat Perancangan

Peringkat perancangan merupakan peringkat awalan dalam menjayakan sesuatu cadangan pembangunan landskap di Daerah Port Dickson. Peringkat ini merangkumi perkara berikut :

- i. Laporan cadangan pemajuan
- ii. Cadangan pelan susun atur
- iii. Kelulusan pelan bangunan.

ii. Peringkat Pelaksanaan

Peringkat ini merupakan peringkat melakukan sesuatu kerja di tapak yang dicadangkan. Antara aktiviti yang terlibat dalam peringkat ini adalah:

- i. Tender
- ii. Pelantikan kontraktor
- iii. Pembinaan cadangan pembangunan
- iv. Pengawasan kerja tapak
- v. Penyiapan kerja di tapak.

iii. Peringkat Pengurusan

Peringkat ini menumpukan kepada penjagaan kualiti kerja-kerja pembangunan landskap yang telah dijalankan. Ia merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan dan penjagaan kawasan tapak pembangunan tersebut.

10.2 Kaedah Pelaksanaan

Kaedah pelaksanaan melibatkan 2 faktor utama iaitu :

- a) Membentuk strategi pembangunan dan pelaksanaan landskap
 - i. Merancang dan melaksanakan rancangan penghijauan dan pengindahan dalam jangka masa 10 tahun akan datang berdasarkan kepada cadangan PILPD.
 - ii. Melaksanakan rancangan penghijauan untuk meningkatkan kualiti alam sekitar di pusat bandar Port Dickson dan pekan-pekan utama seperti pekan Lukut, pekan Linggi, pekan Chuah dan pekan Pengkalan Kempas.
 - iii. Mempertingkatkan kualiti rekabentuk dan disokong oleh penyelenggaraan berterusan berkaitan dengan elemen landskap lembut dan kejur di kawasan kajian.
 - iv. Menguatkuasakan kelulusan pelan landskap, pengawasan dan pelaksanaan hanya diluluskan oleh landskap arkitek yang bertauliah.
- b) Mempertingkatkan pengurusan dan penjagaan landskap persekitaran bagi menjamin perancangan landskap melalui:
 - i. Memperkukuhkan Bahagian Landskap di peringkat MPPD dengan kakitangan terlatih dalam perancangan, penjagaan dan penyelenggaraan landskap, hortikultur dan penyediaan pelan landskap.
 - ii. Mempertingkatkan pengurusan dan penyelenggaraan landskap bagi memastikan elemen-elemen landskap dalam keadaan baik.
 - iii. Mewujudkan Jawatankuasa Pengindahan Daerah Port Dickson untuk menyelaraskan usaha-usaha perancangan pembangunan landskap. Agensi-agensi kerajaan terlibat seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerja Raya (JKR) Port Dickson, Jabatan Perhutanan, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sembilan.



- iv. Memohon dana atau peruntukan kerajaan pusat bagi kos pembangunan landskap tempatan.
- v. Mewujudkan tapak semaian baru bagi menambahkan jumlah anak pokok disamping dapat memenuhi keperluan landskap daerah Port Dickson.
- vi. Menggalakkan penyertaan agensi swasta dan penglibatan masyarakat tempatan untuk turut serta terlibat dalam rancangan pembangunan landskap di daerah Port Dickson.

10.3 Rumusan

Konsep pembangunan dan strategi pelaksanaan amat penting bagi menjayakan cadangan pembangunan landskap di daerah Port Dickson. Kecekapan serta perancangan yang tersusun dapat menjadikan suatu projek landskap mempunyai kualiti dan imej tersendiri. Dengan langkah-langkah pelaksanaan yang dicadangkan, perancangan dalam pembangunan landskap PILPD akan lebih teratur dan menarik.